

Ekoran dakwaan dalam akhbar kerajaan tidak membantu Proton

Mahaleel diarah tunjuk sebab

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 30 Jun — Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dipercayai diberi surat tunjuk sebab oleh Lembaga Pengarah Proton Holdings Bhd. (Proton) berikutan kenyataannya dalam sebuah akhbar tempatan yang mengkritik dasar kerajaan.

Menurut sumber-sumber industri, mesyuarat Lembaga Pengarah memutuskan jika mahu bertindak ke atas Tengku Mahaleel, ia hendaklah mengikut prosedur.

“Maka, mengikut prosedur, tindakan sewajarnya ialah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Tengku Mahaleel mengapa tindakan tidak boleh dikenakan ke atas beliau.

“Berdasarkan jawapan Tengku Mahaleel kelak, jika beliau menjawab, Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan tindakan,” kata sumber-sumber yang dihubungi di sini hari ini.

PM komen

- Harga minyak
- Kedudukan Isa Samad
- Kes Mahaleel

— Muka 2

Spekulasi bertiup kencang sejak semalam mengatakan Tengku Mahaleel mungkin dipecat berhubung kenyataannya mengenai dasar automotif kerajaan yang didakwa tidak membantu projek kereta nasional seperti Proton.

Semasa diwawancara akhbar berbahasa Cina, *Oriental Daily*, Tengku Mahaleel dilaporkan mempersoalkan langkah kerajaan memberikan status kereta nasional kepada Naza, sekali gus menikmati rebat cukai yang sama dinikmati Proton.

Sebelum ini Tengku Mahaleel beberapa kali berdepan spekulasi bakal disingkirkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Proton. Insiden terbaru Februari lalu apabila

Pengerusinya, Datuk Abu Hassan Kendut meletak jawatan, dipercayai kerana tidak sependapat dengan Tengku Mahaleel.

Beliau dikatakan mempunyai gaya pengurusan yang tidak serasi dengan Khazanah terutama sejak penyusunan semula syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tahun lalu.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz membidas kenyataan Tengku Mahaleel itu dan menasihatkannya berhenti menyalahkan orang lain jika Proton menghadapi masalah untuk bersaing.

Tengku Mahaleel kini dipercayai berada di luar negara.

PM: Tiada surat tunjuk sebab kepada Mahaleel

KUALA LUMPUR 30 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan mesyuarat Lembaga Pengarah Proton Holdings Bhd. hari ini tidak membuat keputusan untuk memberi surat tunjuk sebab kepada Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO), Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff kerana mengkritik dasar automotif negara.

Perdana Menteri berkata: “Saya dah periksa dengan mesyuarat itu (yang dipanggil oleh Khazanah Holdings Bhd., pemilik 42 peratus saham Proton). Tidak ada sebarang keputusan seperti itu.”

Beliau berkata demikian kepada

pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato’ Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika ditanya mengenai keputusan mesyuarat lembaga pengarah syarikat itu yang dikatakan akan mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada Tengku Mahaleel mengapa tindakan tidak boleh diambil ke atasnya kerana mengkritik dasar automotif kerajaan.

Dalam pada itu, ditanya mengenai ancaman kereta-kereta buatan Korea Selatan yang lebih murah dan menda-

pat sambutan di pasaran tempatan sehingga dikatakan mengancam kedudukan kereta Proton, Abdullah berkata beliau tidak melihat isu itu sebagai satu sebab yang membawa kepada terjejasnya Proton.

Sebaliknya, kata beliau, apa yang berlaku kepada syarikat pembuat kereta nasional itu sekarang disebabkan banyak faktor lain yang perlu diambil kira.

Satu daripadanya ialah kemampuan Proton menjadi pembuat kereta yang benar-benar kompetitif kerana faktor itu adalah yang sangat penting, tambahnya.



TENGU MAHALEEL TENGU ARIFF